

30 SEP 2002

MT UMNO UCAP TAKZIAH KEPADA DR MAHATHIR KERANA KEMATIAN ABANG

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno mengucapkan takziah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kematian abangnya, Mashahor, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, MT turut mengucapkan takziah kepada keluarga Mashahor.

Mesyuarat hari ini, yang dipengerusikan oleh Abdullah, dimulakan dengan bacaan al-Fatihah oleh para anggota MT sebagai hadiah kepada Allahyarham.

Dr Mahathir, yang pulang menziarahi jenazah abangnya di Sungai Petani, tidak dapat menghadiri mesyuarat itu.

Mashahor, 79, meninggal dunia di rumahnya di Jalan Kapal Terbang di Sungai Petani pagi ini.

-- BERNAMA

AFY MAM AHH MAI